

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MAC 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Aplikasi beri maklumat lokasi wabak	Berita Harian
2.	Kes demam denggi diramal lebih buruk tahun ini – Dr Subramaniam	BERNAMA
3.	Lebih parah : Kementerian Kesihatan jangka demam denggi tahun ini melonjak berbanding 2015	Harian Metro
4.	Denggi lebih buruk tahun ini	Sinar Harian
5.	Biggest epidemic in history this year	New Straits Times
6.	New app for latest dengue stats	Malay Mail
7.	Zika warning	The Sun
8.	NanoMalaysia meterai MoU dengan 10 syarikat pembuatan di bawah NGAP 2020	BERNAMA
9.	Tiada air pasang surut luar biasa di Utara - APBN	BERNAMA
10.	Gempa kedua landa Timur Laut Kupang, Indonesia	BERNAMA
11.	Gempa bumi bermagnitud 5.7 di Sumatera pagi ini	BERNAMA
12.	It will be a hot month with El Nino in full swing	The Sun
13.	ECERDC laksana program inap desa di Kampung Air Papan, Mersing	BERNAMA

Aplikasi beri maklumat lokasi wabak

» Sistem guna perisian boleh dimuat turun untuk maklumat titik panas

Oleh Errah Amran dan Wan Nur Faliqha Wan Hazani
 bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Aplikasi Mobile iDengue yang dilancarkan semalam bertujuan memberi pengetahuan serta memperluaskan capaian pengguna mengenai wabak denggi yang semakin meningkat di negara ini.

Pelancaran aplikasi itu hasil kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Bahagian Kawalan Penyakit (BKP).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tanngau, berkata sistem itu menggunakan perisian 'open source'

melalui kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk pengguna dan mula diwujudkan pada November 2015.

"Aplikasi ini menyediakan pelbagai maklumat mengenai wabak denggi dan boleh dimuat turun di 'Play Store' dan 'App Store'. Pengguna boleh mengetahui status dan maklumat terkini berkaitan denggi di kawasan mereka secara serta-merta.

"Ia termasuk statistik kes denggi di negara ini yang dikemas kini setiap hari, peta lokasi titik panas serta jadual laporan kes harian," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran aplikasi berkenaan yang turut dihadiri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, di sini semalam.


Katanya, aplikasi itu dapat meningkatkan kesedaran masyarakat untuk bersamasama memerangi serta menangani pembiakan aedes, selain membolehkan pengguna membuat aduan serta memberi maklum balas mengenai wabak

itu kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, kerjasama ARSM dan BKP itu juga dapat membangunkan Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) untuk pemantauan secara inovatif yang beroperasi secara berperingkat di

INFO

Aplikasi Mobile iDengue



negara ini sejak tahun 2011.

Data GIS

"SPWD menggunakan data maklumat informasi geografi (GIS), iaitu penggunaan imej satelit beresolusi tinggi untuk mengenal pasti lokasi berisiko tinggi pembiakan aedes, antaranya kawasan pembinaan dan kawasan pembuangan sampah secara ha-

ram," katanya.

Sementara itu, Dr Subramaniam berkata, kepadatan kawasan penempatan penduduk dan isu kebersihan persekitaran kediaman antara faktor kes denggi meningkat di negara ini, diburukkan lagi dengan sikap penduduk yang kurang peka terhadap aspek kebersihan, selain kelewatan proses pungu-

tan sampah.

"Setakat ini, sebanyak 26,533 kes denggi membabitkan 55 kematian direkodkan dari tempoh Januari lalu berbanding 25,028 kes dengan 65 kematian bagi tempoh sama tahun lalu. Daripada jumlah itu, Selangor menyumbang 70 peratus dengan rekod tertinggi iaitu 13,306 kes dan 18 kematian," katanya.



Pegawai Penyelidik Aplikasi, Syalini Shafiee (kiri) dan Norimaniah Mazelan menunjukkan aplikasi Mobile iDengue yang boleh diakses melalui telefon pintar dan tablet.



Madius ketika sidang media pada majlis pelancaran Aplikasi Mobile iDengue di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir S Subramaniam. (FOTO TAZIT RAZALI/BH)



Kes Demam Denggi Diramal Lebih Buruk Tahun Ini - Dr Subramaniam



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S. Subramaniam (kiri) bersama [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau](#) pada Majlis Pelancaran Aplikasi Mobile iDengue di Agensi Remote Sensing Malaysia

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Kes demam denggi di seluruh negara diramal menjadi lebih buruk tahun ini berbanding tahun lepas apabila 26,533 kes dilaporkan sejak Januari hingga semalam, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Beliau berkata jumlah itu menunjukkan peningkatan lebih 1,400 kes berbanding 25,028 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 55 kematian direkodkan di seluruh negara berbanding 65 kematian bagi tempoh sama tahun lepas, serta lebih 2,800 kes baharu denggi dilaporkan setiap minggu di seluruh negara," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.



